

# PERSEPSI PEMBAYAR ZAKAT KORPORAT TERHADAP PEMBANGUNAN SPIRITUAL DIRI: SATU KAJIAN DI DAERAH KUANTAN

Mohd Azmi bin Othman, Pusat Zakat Pahang

Dr Rashidi Abbas, UMP

Dr Mohd Suhardi Mat Jusoh, UMP

Tuan Sidek Tuan Muda, UMP

## ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi pembayar zakat korporat terhadap pembangunan spiritual diri kepada Allah SWT. Sampel kajian seramai 150 orang yang terdiri peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan di sekitar Kuantan. Data kajian telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 19.0 bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai dan Korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan adanya perhubungan yang signifikan antara pembayar zakat dengan pembangunan spiritual diri individu. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan persepsi pembayar zakat terhadap kelebihan membelanjakan harta dan membawa ketenangan hati kepada mereka apabila membayar zakat berada di tahap tinggi iaitu min 4.40 dan 4.04. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa adanya perkaitan yang signifikan antara pembayar zakat dengan nilai keimanan diri individu kepada Allah SWT. Mereka percaya dengan sistem ganjaran yang akan diterima oleh pembayar zakat dari Allah SWT di dunia dan juga di akhirat mendorong mereka membayar zakat secara istiqamah.*

**Kata kunci:** *Korporat, Keimanan, Zakat*

### 1.1 Pengenalan

Islam adalah satu-satunya agama yang memperuntukkan suatu sistem sosial yang menjamin kesejahteraan ummah dengan membelanjakan harta ke jalan yang ditetapkan oleh Allah SWT melalui kewajipan menunaikan Zakat. Kedudukan zakat dalam Islam adalah merupakan rukun ketiga yang diwajibkan ke atas setiap individu muslim setelah memenuhi syarat-syaratnya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a bahawa baginda Nabi Muhammad SAW bersabda :

*Maksudnya: "Islam dibangun di atas lima perkara: Syahadah bahwa tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allâh dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad adalah utusan Allâh, mendirikan, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah bagi siapa yang mampu [Muttafaqun 'alaihi]*

Dari sudut ekonomi, zakat merupakan ibadah maaliyah ijtimaiyyah iaitu ibadah yang berkaitan dengan harta, kemasyarakatan dan kemanusiaan. Dari sudut pelaksanaan kefardhuan ini, kewajipannya adalah terhadap muslimin yang memiliki harta melebihi nisab 85 gram atau bersamaan dengan nilai RM14,225.24 (Jawhar, 2016). Bagi mereka yang mempunyai harta melebihi kadar tersebut maka wajib mengeluarkan zakat dengan kadar 2.5% atau 1/40 sebagai memenuhi perintah Allah SWT. (PKZ, 2016). Merujuk kepada firman Allah S.W.T dalam surah At-Taubah, ayat 103:

*Maksudnya: "Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu*

*menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui” (Surah At-Taubah,103)*

Perkataan **خُذْ** khuz dalam ayat tersebut yang merupakan suatu perintah kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk mengutip sebahagian daripada harta individu muslim sebagai zakat untuk membersihkan dan mensucikan mereka. Menurut ulama', maksud perkataan **تُطَهِّرُهُمْ** ialah dengan melaksanakan zakat, ia nya dapat membersihkan hati-hati mereka daripada kesan syirik, sifat bakhil dan kedekut serta membersihkan tubuh-badan mereka dari penyakit dan bala bencana. Manakala maksud **وَنُزَكِّيهِمْ** pula ialah dengan berzakat, dapat mensucikan mereka di hadapan Allah iaitu menjadi saksi di hadapan Allah bahawa mereka benar-benar menunaikan perintah dan beriman kepadaNya dan Nabi Muhammad S.A.W akan memberi syafaat kepada mereka yang berzakat dengan izin Allah SWT, serta kamu hendaklah mendoakan kepada mereka dengan kebaikan, keberkatan dan seumpamanya.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Tinjauan umum melalui statistik bilangan pembayar zakat perniagaan di Kuantan yang merupakan ibu negeri Pahang telah merosot sejak empat tahun yang lalu iaitu bermula tahun 2012 sehingga 2015. Pada tahun 2012 terdapat 611 orang pembayar, 2013 menurun kepada 578 orang pembayar, 2014 menurun kepada 490 orang pembayar dan 2015 menurun kepada 461 orang pembayar. (Laporan Kutipan Zakat PKZ Pahang, 2015). Kemerosotan ini memberi kesan kepada agihan pendapatan untuk golongan yang berhak menerimanya.

Sementara itu, pada waktu yang sama, terdapat golongan pembayar zakat secara istiqamah yang taat melaksanakan ibadah ini mengesyorkan agar manfaat berzakat dunia dapat dibuktikan melalui kajian atau penulisan ilmiah seperti keberkatan dalam perniagaan, ketenteraman jiwa dan keselamatan daripada musibah kemusnahan harta dan seterusnya dapat meningkatkan spiritual pembayar zakat itu sendiri (Md Sharif Shamsuddin, 2015). Namun terdapat kajian yang paling hampir iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan pembayar zakat perniagaan. Maka, kajian ini dijangka dapat membantu tiga golongan sekaligus iaitu golongan berzakat yang sedia ada agar terus berkekalan membayar zakat, golongan yang masih belum berzakat dan juga pihak berkuasa zakat di Malaysia. Permasalahan yang dikaji dalam penyelidikan ini adalah persepsi pembayar zakat korporat terhadap peningkatan spiritual baik di dunia dan akhirat.

## **1.3 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas responden yang terdiri daripada pembayar zakat perniagaan daerah Kuantan berkenaan dengan persepsi mereka terhadap pembangunan spiritual diri dengan membayar zakat tersebut. Pengkaji telah menetapkan objektif seperti berikut:

- 1.4.1 Untuk menganalisa persepsi pembayar zakat korporat terhadap pembangunan spritual diri (kelebihan membelanjakan harta)
- 1.4.2 Untuk mengenalpasti persepsi pembayar zakat korporat terhadap pembangunan spritual diri (ketenangan hati)
- 1.4.3 Untuk mengkaji hubungan antara membayar zakat dengan pembangunan spiritual diri.

## 1.4 Dapatan Kajian

### 1.4.1 Demografi responden

Jadual 1.1 : Jantina responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	86	57.3
Perempuan	64	42.7
Jumlah	150	100

Analisa terhadap demografi mendapati bahawa hanya 150 orang responden daripada 461 orang pembayar zakat tahun 2015 setuju memberikan maklumbalas terhadap soal selidik kajian ini. Responden tersebut terdiri daripada 86 orang lelaki iaitu 57.3% dan 64 orang wanita iaitu dengan 42.7%. Dapatan ini sekaligus membuktikan kesedaran berzakat bagi golongan peniaga lelaki adalah melebihi kaum wanita dengan kebarangkalian golongan lelaki lebih ramai menjadi peniaga berbanding golongan wanita.

Jadual 1.2 : Status Pendidikan

Responden	Kekerapan	Peratus
Ijazah	50	33.3
Diploma	25	16.7
Lain-lain	75	50
Jumlah	150	100

Analisis aspek pendidikan mendapati bahawa 50% atau seramai 75 orang pembayar zakat mempunyai pendidikan tinggi di peringkat diploma dan ijazah. Sebaliknya 50% lagi adalah lain-lain kategori seperti SPM, STPM dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa faktor kelulusan pendidikan tinggi dan lain-lain adalah seimbang.

Jadual 1.3 : Status Perniagaan

Status	Kekerapan	Peratus
Syarikat	25	16.7
Sendiri	125	83.3
Jumlah	150	100

Kajian aspek status perniagaan (korporat) mendapati bahawa 16.7 % dengan kekerapan 25 orang pembayar zakat mempunyai syarikat sendiri dan selebihnya 83.3 % iaitu seramai 125 orang berkerja sendiri. Dapatan ini menunjukkan bahawa peniaga yang berkerja sendiri lebih ramai membayar zakat berbanding Syarikat Sdn Bhd.

Jadual 1.4 : Umur Berzakat

Umur	Kekerapan	Peratus
------	-----------	---------

20-30 tahun	7	4.7
31-40 tahun	30	20
41-50 tahun	68	45.3
51 tahun ke atas	45	30
Jumlah	150	100

Kajian umur berzakat pula mendapati bahawa umur berzakat paling signifikan daripada 150 responden adalah di antara 41 tahun hingga 50 tahun dengan 45.3% iaitu seramai 68 orang. Manakala umur berzakat kedua tertinggi adalah pembayar zakat yang berumur 51 tahun ke atas seramai 45 orang dengan 30%. Kajian ini menunjukkan peniaga yang berumur di antara 20-30 tahun kurang membuat bayaran zakat. Manakala peniaga berumur 31 hingga 40 tahun dan 51 tahun ke atas berada di bawah 20% dan 30%

### 1.5.2 Analisis Persepsi Terhadap Pembangunan Spiritual Diri (Kelebihan Membelanjakan Harta)

Jadual 1.5: Statistik deskriptif bagi Kelebihan membelanjakan harta

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
B1	Berzakat dapat membersihkan harta dan jiwa	4.54	.649	Tinggi
B2	Allah akan menggantikan apa sahaja yang dibelanjakan	4.53	.638	Tinggi
B3	Berzakat penyebab rezeki akan bertambah	4.43	.729	Tinggi
B4	Zakat menghapus sifat bakhil dan kedekut	4.38	.702	Tinggi
B5	Berzakat benteng kepada sifat mazmumah	4.48	.654	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.40</b>		<b>Tinggi</b>

Hasil analisa persepsi terhadap pembangunan spiritual diri ( kelebihan membelanjakan harta) mendapati bahawa "*berzakat dapat membersihkan harta dan jiwa*" memperoleh min yang tertinggi iaitu 4.54. Dapatan min keseluruhan menunjukkan 4.40 (tinggi) dari keseluruhan item "kelebihan membelanjakan harta". Keseluruhannya, responden yang terlibat mempunyai kesedaran yang amat tinggi terhadap kelebihan membelanjakan harta (berzakat) kerana yakin terhadap ganjaran yang disediakan oleh Allah SWT seperti yang terdapat dalam surah At-Taubah ayat 103, surah Saba' ayat 39, Surah al-Rum ayat 39, Surah Al-Qasas ayat 77 dan hadis marfu riwayat At-Tabrani berkenaan dengan zakat sebagai benteng harta.

### 1.5.3 Analisis persepsi terhadap ketenangan hati

Jadual 1.6 :Persepsi Ketenangan hati

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
C1	Zakat rasa tenteram dan puas hati	4.24	.696	Tinggi
C2	Zakat tanda syukur dengan nikmat rezeki	4.19	.646	Tinggi
C3	Zakat dorong motivasi bekerja	4.25	.663	Tinggi

C4	Perniagaan subur setelah berzakat	4.27	.673	Tinggi
C5	Merasai nikmat berzakat	396	.778	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.04</b>		<b>Tinggi</b>

Analisa pembangunan diri dari sudut ketenangan hati mendapati bahawa "*Perniagaan subur setelah berzakat*" mendapat min yang tertinggi iaitu 4.27. Responden begitu yakin bahawa dengan berzakat dapat menyuburkan lagi perniagaan yang sedang mereka jalankan. Secara keseluruhannya, pembangunan diri dari aspek memberikan ketenangan hati memperolehi min 4.04 iaitu berskala tinggi.

#### 1.5.4 Analisis Hubungan Membayar Zakat Dengan Pembangunan Spiritual

Jadual 1.7 . Hubungan membayar zakat dengan pembangunan spiritual

Pembangunan Diri		Spiritual	Zakat
Spiritual	Korelasi Pearson		.710**
	Sig (2-tailed)		.000
	N		150
Zakat	Korelasi Pearson	.710**	
	Sig (2-tailed)	.000	
	N	150	

Jadual 1.7 menunjukkan hasil keputusan analisis bagi korelasi Pearson yang mengukur hubungan di antara membayar zakat dengan pembangunan spiritual. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat bahawa nilai pekali ( $r = .710$ ,  $p < .05$ ) jelas menunjukkan perhubungan yang kuat yang signifikan antara membayar zakat dengan pembangunan spiritual.

## 1.6 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

### 1.6.1 Rumusan

Zakat dalam Islam adalah merupakan ibadah maaliyyah yang mengandungi hikmah dan manfaat yang besar sama ada kepada orang yang berzakat (muzakki) dan juga penerimanya (mustahik). Di antara dapatan utama persoalan kajian yang berjaya di selesaikan adalah persepsi yang tinggi terhadap kelebihan berzakat samada dari sudut kelebihan membelanjakan harta dan kelebihan rezeki yang dikurniakan Allah SWT kepada pembayar zakat. Ini membuktikan keyakinan terhadap keuntungan berzakat dari sudut manfaat ukhrawi adalah merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi pembayaran zakat mereka. Skala tertinggi yang dipilih oleh kesemua 150 orang responden adalah sangat setuju dengan kenyataan bahawa berzakat adalah membersihkan harta dan jiwa (surah at-Taubah ayat 103), Allah S.W.T akan menggantikan apa sahaja yang dibelanjakan pada jalan-Nya (surah Saba ayat 39), zakat penyebab rezeki bertambah (surah Ar-Rum ayat 39), zakat menghilangkan sifat bakhil dan kedekut (surah al-Qasas ayat 77) dan Sabda Nabi S.A.W mafhumnya, zakat menjadi benteng harta atau perniagaan anda ( hadis marfu' riwayat at-Tabarani). Dapatan ini adalah bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 110:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ  
تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya: "Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat. Dan kebaikan apa saja yang kamu usahakan bagi dirimu, tentu kamu akan mendapat pahalanya pada sisi Allah S.W.T. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan" (Surat Al Baqarah Ayat 110).

Dalam waktu sama, penyelidik juga telah menemubual Tokoh Maal Hijrah Negeri Pahang pada tahun 2015, sekaligus merupakan Tokoh Zakat 2010, 2011 dan 2012, serta salah seorang daripada responden kajian menegaskan bahawa faktor keimanan adalah penyebab utama yang mendorong beliau untuk terus istiqamah menunaikan ibadat zakat di samping memastikan setiap ahli keluarga serta kakitangan syarikatnya yang memperolehi pendapatan melebihi nisab mesti membuat bayaran zakat melalui potongan gaji secara bulanan bagi mengelakkan kelalaian. (Md Sharif Shamsuddin, 2016) . Dapatan ini amat bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Ar-Rum ayat 39:

وَمَا آتَيْتُمْ مِنْ زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ

Maksudnya: Dan apa yang kamu berikan berupa zakat yang kamu maksudkan untuk mencapai keridhaan Allah, maka (yang berbuat demikian) itulah orang-orang yang melipat gandakan pahalanya.

( Surah Ar-Rum: 39)

Dalam waktu yang sama, hasil penemuan ini menepati teori kepatuhan ibadat zakat terdahulu yang dipelopori oleh Prof Dr Muhammad Yusof Al-Qaradhawi yang menyatakan bahawa pendidikan dan keimanan amat mempengaruhi tindakan ekonomi seseorang. (Mohd Ali Mohd Nor et.all, 2004).

### 1.6.2 Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi terhadap pembangunan spiritual diri hasil dari berzakat di kalangan pembayar zakat peniagaan daerah Kuantan secara signifikannya meninggalkan kesan yang baik kepada pembayar zakat dan dapat melahirkan kesedaran spiritual yang tinggi kepada pembayar zakat. Namun begitu, penilaian individu terhadap kesan pelaksanaan sesuatu akan menghasilkan dua bentuk kepercayaan iaitu sama ada menguntungkan atau tidak menguntungkan. Ini adalah kerana jika seseorang mampu melihat kesan pelaksanaan sesuatu gelagat maka ia akan menguatkan niatnya untuk melaksanakan niat tersebut. Sebaliknya, penilaian negatif akan membantutkan niat tersebut. Situasi ini sebenarnya wujud dalam konteks yang mendorong kepada pembayaran zakat. Bagi peniaga yang percaya bahawa melaksanakan zakat perniagaan akan menguntungkan dirinya dengan kelebihan ganjaran dunia seperti keberkatan dan ketenangan pasti akan mendorong mereka menunaikannya. Penilaian positif mahupun negatif ini amat berkait rapat dengan keimanan

## 1.7 Bibliografi

- Abdullah Ibrahim (1999), *"Agihan Zakat Menurut Prinsip Siasah Shariyyah"* (Kertas Kerja dibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor di Shah Alam pada 17 Mei 1999).
- Eza Ellany, Mohd Rizal & Mohamat Sabri, (2014): 'Prestasi kecekapan agihan kewangan dan bukan kewangan dalam kalangan institusi zakat di Malaysia' *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48/2 51-60.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Uda, Kasim (2013). *Zakat: Teori, Kutipan dan Agihan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd,
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader, (2009) '*Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati?*' *Jurnal Syariah*, 17/1: 89-112.
- Md Hairi, Kamil & Ram Al Jaffr, (2012). *Ketelusan di dalam tadbir urus institusi zakat'* (Prosiding Seminar Isu-isu kontemporari Zakat di Malaysia, : 63-74).
- Md Sharif Shamsuddin, Dato (2016). Temubual di Pusat Kutipan Zakat Pahang.
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail (2001), *"Can Privatization Improve Performance? Evidence From Zakat Collection Institutions"* (Kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Nor Azlina, A.W., & Abd. Rahim, A.R, (2011). 'A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions', *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2/1: 43-42.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (2006), *Laporan Zakat*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.
- Pusat Kutipan Zakat Pahang (2016), *Laporan Zakat*. Pahang: Pusat Kutipan Zakat Pahang.
- Pusat Kutipan Zakat Pahang (2015), *Laporan Zakat*. Pahang: Pusat Kutipan Zakat Pahang.
- Pengurusan Zakat di Malaysia, paper was presented in International Islamic Development Management Conference (IDMAC), on 21-22 December 2010 USM, Pulau Pinang, Malaysia
- Rashidah Unos, Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, 'Zakat: Analisis perubahan corak agihan di Negeri Sembilan' dalam *Isu Kontemporari agihan zakat di Malaysia* ed. Nor Aini Ali et. al. (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), 2015: 179-195).
- Syukri Salleh (2006), *"Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis"*, dalam Hailani dan Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Penseyarian, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid (2005). 'Persepsi Agihan Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Melalui Institusi Formal' *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39 53- 69.

Siti Akmar, A.S., K. Jusoff, Roslan, M.N., &Ishak, S. (2011). *Prophetic Best Practices In Business for Human Capital Development.Global Journal al-Thaqafah*. 1 (1): 7-14, Perak:KISDAR. doi: 10.7187/GJAT012011.01.01